



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
LEMBAGA PEPERIKSAAN

JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

2026

**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**GARIS PANDUAN DAN ARAHAN PEPERIKSAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
2026**

**BAHAGIAN A
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI (JPN) - ARAHAN AM**

Pihak JPN hendaklah:

1. memaklumkan kepada sekolah untuk memuat turun Jadual Waktu Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (JWP SPM) 2026 dari portal rasmi Lembaga Peperiksaan (lp.moe.gov.my).
2. memaklumkan tentang JWP SPM 2026 kepada semua calon persendirian.
3. memberitahu calon tentang Garis Panduan dan Arahan Peperiksaan yang dinyatakan dalam JWP SPM 2026 sebelum peperiksaan.
4. menyemak bahan peperiksaan yang diterima menepati keperluan menjawab kertas peperiksaan yang ditawarkan pada tahun semasa.
5. merujuk kepada buku Panduan Pengurusan Pusat Peperiksaan Bertulis, Panduan Pengurusan Peperiksaan, Panduan Pengendalian Ujian Amali Sains Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Mulai Tahun 2021, Panduan Pentadbiran Ujian Bertutur dan Ujian Mendengar Bahasa Melayu SPM, Panduan Pentadbiran Ujian Bertutur dan Ujian Mendengar Bahasa Inggeris SPM dan surat makluman Lembaga Peperiksaan yang sedang berkuat kuasa.

**BAHAGIAN B
PENGETUA - ARAHAN AM**

Pengetua hendaklah:

1. mengedarkan JWP SPM 2026 kepada semua calon sekolah.
2. memberitahu calon tentang Garis Panduan dan Arahan Peperiksaan yang dinyatakan dalam JWP SPM 2026 sebelum peperiksaan.
3. menyemak bahan peperiksaan yang diterima menepati keperluan menjawab kertas peperiksaan yang ditawarkan di sekolah pada tahun semasa.
4. memastikan calon mengemukakan dokumen sokongan seperti surat perakuan doktor hospital kerajaan sebagai bukti calon tidak dapat menduduki mana-mana kertas peperiksaan.
5. memastikan calon tidak membawa masuk bahan-bahan terlarang seperti yang termaktub dalam Bahagian D, Perkara 7 Larangan di Bilik Menunggu/Bilik Lapor Diri/Dewan/Bilik Peperiksaan/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin.

6. merujuk kepada buku Panduan Pengurusan Pusat Peperiksaan Bertulis, Panduan Pengurusan Peperiksaan, Panduan Pengendalian Ujian Amali Sains Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Mulai Tahun 2021, Panduan Pentadbiran Ujian Bertutur dan Ujian Mendengar Bahasa Melayu SPM, Panduan Pentadbiran Ujian Bertutur dan Ujian Mendengar Bahasa Inggeris SPM dan surat makluman LP yang sedang berkuat kuasa.

KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN
KETUA PENTAKSIR PUSAT UJIAN (1103/3)
PENTAKSIR 1 (1119/3)
KETUA PENGAWAS AMALI

Ketua Pengawas Peperiksaan/Ketua Pentaksir Pusat Ujian/Pentaksir 1/Ketua Pengawas Amali hendaklah:

1. memastikan semua Garis Panduan dan Arahan Peperiksaan dalam JWP SPM 2026 dimaklumkan kepada calon.
2. meminta semua calon untuk memeriksa dan memastikan calon tidak membawa masuk bahan-bahan terlarang seperti yang termaktub dalam Bahagian D, Perkara 7 Larangan di Bilik Menunggu/Bilik Lapor Diri/Dewan/Bilik Peperiksaan/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin.
3. memastikan taklimat ringkas diberikan semasa calon berada di Bilik Menunggu/Bilik Lapor Diri.
4. mencatatkan pada papan tulis dan memaklumkan kepada calon butiran kod kertas, nama kertas, masa, tempoh peperiksaan dan *errata* (jika ada) bagi kertas peperiksaan.
5. membenarkan kalkulator dibawa masuk ke Dewan/Bilik Peperiksaan/Bilik Lapor Diri/Makmal Peperiksaan.
6. mengedarkan kertas peperiksaan mengikut tarikh dan waktu yang tercatat dalam JWP SPM 2026.
7. mengedarkan kertas peperiksaan dengan muka hadapan kertas peperiksaan di sebelah atas.
8. mengarahkan calon supaya menyemak butiran kod kertas, nama kertas, masa peperiksaan dan arahan pada muka hadapan kertas peperiksaan bagi memastikan calon mendapat kertas peperiksaan yang betul.
9. mengedarkan kertas jawapan mengikut keperluan mata pelajaran seperti yang tercatat pada muka hadapan kertas peperiksaan.
10. memastikan bilangan skrip jawapan peperiksaan yang dikumpul dan dicatat pada borang **LP/Am 29** akur dengan bilangan calon dalam **Buku Rekod Pengawasan Peperiksaan (BRP) LP/Am 25** bagi sesuatu kertas peperiksaan.
11. menyediakan laporan menggunakan Borang LP/Am 30 sekiranya calon melanggar sebarang peraturan peperiksaan pada Bahagian D, Perkara 7 Larangan di Bilik Menunggu/Bilik Lapor Diri/Dewan/Bilik Peperiksaan/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin.

12. memastikan calon mengisi Borang LP/Am 31 sekiranya calon melanggar sebarang peraturan peperiksaan pada Bahagian D, Perkara 7 Larangan di Bilik Menunggu/Bilik Laporan Diri/Dewan/Bilik Peperiksaan/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin.
13. merujuk kepada buku Panduan Pengurusan Pusat Peperiksaan Bertulis, Panduan Pengurusan Peperiksaan, Panduan Pengendalian Ujian Amali Sains Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Mulai Tahun 2021, Panduan Pentadbiran Ujian Bertutur dan Ujian Mendengar Bahasa Melayu SPM, Panduan Pentadbiran Ujian Bertutur dan Ujian Mendengar Bahasa Inggeris SPM dan surat makluman LP yang sedang berkuat kuasa.

BAHAGIAN D

CALON - ARAHAN, AMARAN, LARANGAN DAN PERINGATAN

1. ARAHAN AM

- 1.1 Calon **wajib** menduduki semua kertas peperiksaan bagi mata pelajaran yang didaftar di pusat peperiksaan yang telah ditetapkan. Calon yang tidak menduduki mana-mana kertas peperiksaan bertulis atau melaksanakan Ujian Bertutur, Ujian Mendengar, Ujian Lisan, Ujian Amali Sains dan Kerja Kursus akan dianggap **TIDAK HADIR** bagi mata pelajaran berkenaan. Calon yang tidak dapat menduduki atau tidak hadir sesuatu kertas peperiksaan dikehendaki mengemukakan dokumen sokongan seperti surat perakuan doktor hospital kerajaan atau surat kebenaran khas Pengarah Peperiksaan. Dokumen sokongan ini hendaklah diserahkan kepada Ketua Pengawas Peperiksaan/Ketua Pentaksir Pusat Ujian/Pentaksir 1/Ketua Pengawas Amali sebelum tamat tempoh peperiksaan SPM 2026.
- 1.2 Calon hendaklah menyemak butiran pada **Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan** sebelum peperiksaan bermula. Sekiranya terdapat kesilapan maklumat, calon hendaklah memaklumkan perkara tersebut kepada pihak JPN dengan mengisi Borang Pembetulan Maklumat Calon. Urusan ini dikenakan bayaran sebanyak **RM30.00**. Pembayaran hendaklah dibuat kepada pihak JPN atas nama **Akauntan Negara Malaysia** menggunakan Kiriman Wang atau Wang Pos.
- 1.3 Calon hendaklah mengemukakan **Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan** kepada Ketua Pengawas Peperiksaan/Ketua Pentaksir Pusat Ujian/Pentaksir 1/Ketua Pengawas Amali di pusat peperiksaan **selain dari pusat peperiksaan asal calon**. Ketua Pengawas Peperiksaan/Ketua Pentaksir Pusat Ujian/Pentaksir 1/Ketua Pengawas Amali hendaklah menyemak maklumat calon dan maklumat mata pelajaran sebelum membenarkan calon menumpang di pusat peperiksaan seliaannya.
- 1.4 Calon hendaklah membaca Garis Panduan dan Arahan Peperiksaan yang dinyatakan dalam Jadual Waktu Peperiksaan SPM 2026 dan menandatangani Borang Pengakuan Calon.

2. ARAHAN DI BILIK MENUNGGU/BILIK LAPOR DIRI/DEWAN/BILIK PEPERIKSAAN/BILIK UJIAN/MAKMAL PEPERIKSAAN/BILIK KUARANTIN

- 2.1 Calon hendaklah berada di tempat duduk di dalam Dewan/Bilik Peperiksaan **20 minit** sebelum peperiksaan dimulakan bagi Ujian Mendengar/peperiksaan bertulis.

- 2.2 Calon hendaklah berada di Bilik Menunggu/Bilik Lapor Diri **10 minit** sebelum aktiviti di Bilik Menunggu/Bilik Lapor Diri dimulakan bagi Ujian Amali Sains/Ujian Bertutur.
- 2.3 Calon hendaklah meletakkan **Kad Pengenalan** atau **Dokumen Pengenalan Diri** atau **Borang Pengenalan Diri Calon (LP/Am 118)** atau **Surat Perakuan Pengenalan Diri** di penjuru kanan sebelah label meja sepanjang waktu peperiksaan. Calon dilarang menduduki peperiksaan tanpa dokumen berkenaan.
- 2.4 Calon dibenarkan menduduki peperiksaan atas budi bicara Ketua Pengawas Peperiksaan sekiranya tiba **30 minit selepas peperiksaan dimulakan bagi peperiksaan bertulis**. Calon mesti mengemukakan alasan yang kukuh. Masa gantian tidak akan diberikan.
- 2.5 Calon boleh membuat bantahan sekiranya telah mendaftar untuk menduduki sesuatu mata pelajaran dalam tempoh pendaftaran tetapi kod kertas peperiksaan tersebut tidak tercatat dalam mana-mana dokumen rujukan calon. Calon hendaklah mengemukakan **Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan** dari LP yang mengandungi **kod kertas, nama kertas dan jenis peperiksaan SPM 2026** sebagai bukti pendaftaran. Calon tidak dikenakan bayaran. LP berhak untuk tidak mengeluarkan keputusan calon sekiranya tiada bukti pendaftaran telah dilaksanakan.

3. ARAHAN TENTANG KERTAS PEPERIKSAAN

Calon hendaklah:

- 3.1 menyemak butiran maklumat calon, kod kertas, nama kertas, tempoh peperiksaan dan arahan pada muka hadapan kertas peperiksaan bagi memastikan calon mendapat kertas peperiksaan yang betul.
- 3.2 memaklumkan kepada Ketua Pengawas Peperiksaan/Ketua Pentaksir Pusat Ujian/Pentaksir 1/Ketua Pengawas Amali dengan segera jika menerima kertas peperiksaan yang **salah** atau **tidak lengkap**.
- 3.3 **membaca** dan **mematuhi semua arahan** pada muka hadapan dan muka belakang (jika ada) kertas peperiksaan sebelum peperiksaan dimulakan.

4. ARAHAN TENTANG KERTAS JAWAPAN DAN SKRIP JAWAPAN PEPERIKSAAN

Calon hendaklah:

- 4.1 menulis **Nombor Pengenalan Diri, Nombor Angka Giliran dan Kod Kertas** dengan jelas dan betul pada muka hadapan kertas jawapan (jika berkenaan sahaja).
- 4.2 menyemak label dengan butiran maklumat diri dan peperiksaan pada muka hadapan kertas jawapan. Calon dilarang menulis atau membuat sebarang tanda pada label bermaklumat (jika berkenaan sahaja).

- 4.3 menulis jawapan pada **ruangan yang dibenarkan** dengan menggunakan pena mata bola berdakwat hitam atau biru. Pensel atau pena mata bola berdakwat **selain** hitam atau biru boleh digunakan untuk melukis gambar rajah dan peta. Calon dinasihatkan agar tidak menulis sebarang jawapan atau jalan kerja di luar ruangan yang ditetapkan.
- 4.4 menulis semua jawapan dalam Bahasa Melayu kecuali bagi kertas peperiksaan yang membenarkan atau memerlukan calon menjawab dalam bahasa lain.
- 4.5 menulis dengan jelas nombor soalan pada kertas jawapan seperti yang tertera pada kertas peperiksaan. Calon tidak perlu menyalin soalan.
- 4.6 memastikan **Nombor Pengenalan Diri, Nombor Angka Giliran, Kod Kertas** dan **Nombor Soalan** telah ditulis dengan betul pada ruangan yang disediakan pada kertas peperiksaan dan kertas jawapan seperti Buku Jawapan (BJ) apabila diarah berhenti menulis (jika berkenaan sahaja).
- 4.7 berada di tempat duduk yang ditetapkan semasa skrip jawapan peperiksaan dikumpul semula oleh Pengawas Peperiksaan.

5. ARAHAN TENTANG JAWAPAN OBJEKTIF BERMAKLUMAT (JOB) DAN JAWAPAN OBJEKTIF TIDAK BERMAKLUMAT (JOTB)

- 5.1 Calon yang menerima kertas JOB hendaklah menyemak **Nombor Pengenalan Diri, Nombor Angka Giliran, Nama Mata Pelajaran** dan **Kod Kertas** pada kertas JOB berkenaan. Calon **dilarang** membuat sebarang pindaan terhadap maklumat yang telah dicetak pada Bahagian A dan B. Kosongkan Bahagian C, Bahagian D dan Bahagian E.
- 5.2 Calon hendaklah memaklumkan kepada Ketua Pengawas Peperiksaan dengan segera jika menerima kertas JOB yang **salah** atau **tidak lengkap**.
- 5.3 Calon yang menerima kertas JOTB hendaklah melengkapkan **Nombor Pengenalan Diri, Nombor Angka Giliran, Nama Mata Pelajaran** dan **Kod Kertas** pada ruangan yang disediakan. Kosongkan Bahagian B, Bahagian C, Bahagian D dan Bahagian E.
- 5.4 Calon hendaklah menggunakan **pensel 2B** atau **BB** sahaja.
- 5.5 Calon hendaklah memastikan ruang jawapan yang dihitamkan memenuhi keseluruhan ruang.
- 5.6 Calon hendaklah menggunakan getah pemadam jenis lembut sahaja untuk memadamkan hingga bersih tanda jawapan yang tidak dikehendaki. Calon dilarang menggunakan pemadam jenis cecair, kimia, pelekat atau seumpamanya.
- 5.7 Calon dilarang melipat, menggulung atau merenyuk Kertas JOB dan JOTB.
- 5.8 Calon dilarang membuat lubang atau apa-apa tanda yang tidak dikehendaki pada Kertas JOB dan JOTB.

6. AMARAN DI BILIK MENUNGGU/BILIK LAPOR DIRI/DEWAN/BILIK PEPERIKSAAN/BILIK UJIAN/MAKMAL PEPERIKSAAN/BILIK KUARANTIN

Calon tidak dibenarkan:

- 6.1 melipat atau merenyuk kertas jawapan sama ada yang belum ataupun yang telah digunakan.
- 6.2 keluar dari Dewan/Bilik Peperiksaan 30 minit pertama selepas peperiksaan dimulakan dan 10 minit terakhir sebelum peperiksaan ditamatkan, kecuali dengan kebenaran Ketua Pengawas Peperiksaan bagi peperiksaan bertulis.
- 6.3 keluar dari Bilik Menunggu/Bilik Laporan Diri/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin tanpa kebenaran Ketua Pentaksir Pusat Ujian/Pentaksir 1/Ketua Pengawas Amali/Pengawas Peperiksaan.
- 6.4 membawa keluar dari Bilik Menunggu/Bilik Laporan Diri/Dewan/Bilik Peperiksaan/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin kertas peperiksaan sebelum waktu peperiksaan tamat.
- 6.5 mengganggu ketenteraman di dalam atau berhampiran Bilik Menunggu/Bilik Laporan Diri/Dewan/Bilik Peperiksaan/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin semasa peperiksaan.
- 6.6 memakai pakaian yang tidak sopan dan mencolok mata.
- 6.7 merokok di dalam Bilik Menunggu/Bilik Laporan Diri/Dewan/Bilik Peperiksaan/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin.

7. LARANGAN DI BILIK MENUNGGU/BILIK LAPOR DIRI/DEWAN/BILIK PEPERIKSAAN/BILIK UJIAN/MAKMAL PEPERIKSAAN/BILIK KUARANTIN

Calon dilarang:

- 7.1 membawa masuk sebarang catatan sama ada pada pakaian atau anggota badan, nota, dokumen seperti buku, lukisan, grafik, akhbar, kamus, kertas, kertas peperiksaan, Jadual Waktu Peperiksaan, Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan, telefon bimbit, alat-alat komunikasi atau peranti elektronik, bekas alat tulis dan beg ke dalam Bilik Menunggu/Bilik Laporan Diri/Dewan/Bilik Peperiksaan/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin kecuali alat tambahan yang dibenarkan semasa peperiksaan.
- 7.2 menulis nota pada pakaian, anggota badan, dinding atau meja tulis di Bilik Menunggu/Bilik Laporan Diri/Dewan/Bilik Peperiksaan/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin.
- 7.3 mendedahkan kertas peperiksaan atau/dan jawapan peperiksaan sehingga boleh dibaca oleh calon lain.
- 7.4 memberikan pertolongan, mendapatkan pertolongan, berhubung dengan orang lain di dalam atau di luar Bilik Menunggu/Bilik Laporan Diri/Dewan/Bilik Peperiksaan/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin walau dengan apa cara sekalipun yang boleh disabitkan dengan perbuatan salah laku dalam peperiksaan.

- 7.5 menukar kertas peperiksaan atau/dan jawapan peperiksaan dengan calon lain.
- 7.6 menukar tempat duduk yang telah ditetapkan tanpa kebenaran daripada Ketua Pengawas Peperiksaan/Ketua Pentaksir Pusat Ujian/Pentaksir 1/Ketua Pengawas Amali.
- 7.7 menyamar atau membenarkan orang lain menyamar bagi pihak calon.
- 7.8 membuat rujukan di luar Bilik Menunggu/Bilik Lapor Diri/Dewan/Bilik Peperiksaan/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin semasa peperiksaan.
- 7.9 membawa kertas peperiksaan keluar dari Bilik Menunggu/Dewan/Bilik Peperiksaan/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin semasa peperiksaan.
- 7.10 membawa kertas/skrip jawapan peperiksaan sama ada yang belum ataupun yang telah digunakan keluar dari Bilik Menunggu/Bilik Lapor Diri/Dewan/Bilik Peperiksaan/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin.
- 7.11 membawa kertas peperiksaan tertutup keluar dari Bilik Menunggu/Bilik Lapor Diri/Dewan/Bilik Peperiksaan/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin.
- 7.12 membuat cubaan memberi suapan/rasuah dengan apa cara sekalipun kepada pengawas atau pemeriksa kertas peperiksaan.

8. PERINGATAN

Calon yang melanggar sebarang peraturan peperiksaan dalam Bahagian D, Perkara 7 Larangan di Bilik Menunggu/Bilik Lapor Diri/Dewan/Bilik Peperiksaan/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin dianggap melakukan salah laku dan akan menyebabkan calon dikenakan tindakan tatatertib. Menurut Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997 dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) salah laku ertinya menipu, menyamar, menyeludup apa-apa yang tidak dibenarkan atau apa-apa salah laku yang lain yang disifatkan sebagai suatu salah laku serius oleh Lembaga Peperiksaan. Calon yang disabitkan dengan mana-mana salah laku boleh dikenakan tindakan berikut: -

- i. keputusan peperiksaan mana-mana kertas peperiksaan dibatalkan;
- ii. keputusan peperiksaan yang dikendalikan di sesuatu pusat peperiksaan diisytiharkan terbatal;
- iii. keputusan peperiksaan digantung sementara menunggu selesainya penyiasatan;
- iv. calon yang dibatalkan keputusan atas salah laku menyamar dan/atau suapan/rasuah boleh dikenakan sekatan daripada menduduki peperiksaan selama setahun.

BAHAGIAN E
ARAHAN KHAS

KOD KERTAS DAN NAMA KERTAS	ARAHAN KHAS
2280/2 Geografi Kertas 2	Stensil peta tidak boleh digunakan. Calon dibenarkan membawa masuk ke Dewan/Bilik Peperiksaan Alatan Geometri seperti yang berikut: i. Jangka sudut 180° atau 360° ii. Pembaris iii. Jangka tolak iv. Jangka Lukis Calon dibenarkan membawa masuk ke Dewan/Bilik Peperiksaan benang yang bersesuaian.
Kertas Peperiksaan Tertutup 1103/3 Bahasa Melayu Kertas 3 - Ujian Bertutur 1103/4 Bahasa Melayu Kertas 4 - Ujian Mendengar 1119/3 Bahasa Inggeris Kertas 3 - Ujian Bertutur 1119/4 Bahasa Inggeris Kertas 4 - Ujian Mendengar 1225 Pendidikan Moral	Ketua Pentaksir Pusat Ujian/Pentaksir 1 hendaklah mengumpul semula Naskhah Pentaksir dan Naskhah Calon selepas tamat waktu Ujian Bertutur dan menyerahkannya kepada Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri. Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah menyerahkan baki Kertas Peperiksaan 1103/4 Bahasa Melayu Kertas 4 - Ujian Mendengar, 1119/4 Bahasa Inggeris Kertas 4 - Ujian Mendengar dan bahan audio bagi kedua-dua kertas peperiksaan selepas tamat waktu peperiksaan mata pelajaran berkenaan dan menyerahkannya kepada Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri. Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah menyerahkan baki Kertas Peperiksaan 1225 Pendidikan Moral kepada Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri.
2611/1 Pendidikan Seni Visual - Teori Seni Kertas 1 4572/1 Sains Sukan Kertas 1	Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah mengumpul semula Kertas Peperiksaan 2611/1 Pendidikan Seni Visual - Teori Seni Kertas 1 dan 4572/1 Sains Sukan Kertas 1 selepas tamat waktu peperiksaan mata pelajaran berkenaan dan menyerahkannya kepada Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri.

KOD KERTAS DAN NAMA KERTAS	ARAHAN KHAS
2611/2 Pendidikan Seni Visual - Ujian Melukis Kertas 2	Calon hendaklah menggunakan kertas lukisan yang dibekalkan oleh Lembaga Peperiksaan sahaja.
	Calon yang berdaftar untuk kertas 2611/2 Pendidikan Seni Visual – Ujian Melukis Kertas 2, hendaklah mengambil kertas peperiksaan daripada Ketua Pengawas Peperiksaan pada 24 November 2026 (Selasa).
	Kertas peperiksaan dibenarkan dibawa masuk ke Dewan/Bilik Peperiksaan pada hari peperiksaan 2611/2 Pendidikan Seni Visual – Ujian Melukis Kertas 2. Calon hendaklah memastikan tiada sebarang lakaran, contengan atau catatan nota pada kertas peperiksaan yang dibawa masuk ke Dewan/Bilik Peperiksaan.
	Alat atau media yang dibenarkan dibawa masuk ke Dewan/Bilik Peperiksaan adalah seperti yang berikut: - Alat - pelbagai berus warna, palet, bekas air, pisau palet, kain pengelap berus warna, span, pemati warna (fixer), kertas tisu, bahan yang digunakan untuk mewarna (contoh: ranting kayu, buluh kecil dan lain-lain), bahan lain yang digunakan untuk menghasilkan kesan jalinan (contoh: putik kapas, lilin, <i>masking fluid</i>, alatan yang digunakan untuk menggores). - Media - cat air/cat akrilik, <i>gouche</i>, tempera, pensel warna, pen marker, <i>soft pastel</i>, <i>oil pastel</i>, cat minyak (jika perlu), <i>Chinese Ink</i>, <i>Indian Ink</i>, arang, pelbagai jenis pensel dan semua jenis media yang bersesuaian untuk menjawab soalan 2611/2 Seni Halus. - Jika ada alat atau media yang tidak dinyatakan tetapi merupakan alat atau media yang perlu bagi calon gunakan untuk menjawab soalan peperiksaan maka dibenarkan. Alat yang tidak dibenarkan dibawa masuk ke Dewan/Bilik Peperiksaan adalah seperti yang berikut: - Sebarang kertas yang mengandungi lakaran - Alat untuk <i>Air brush</i> - Warna semburan tin aerosol

KOD KERTAS DAN NAMA KERTAS	ARAHAN KHAS
3756/4 Prinsip Perakaunan Kertas 4 3766/4 Perniagaan Kertas 4	Calon persendirian yang mendaftar bagi mata pelajaran 3756 Prinsip Perakaunan dan 3766 Perniagaan wajib menduduki Kertas Peperiksaan 3756/4 Prinsip Perakaunan Kertas 4 dan 3766/4 Perniagaan Kertas 4.
3729/1 Pertanian Kertas 1	Calon hendaklah membawa sendiri pensel warna.
3759/1 Lukisan Kejuruteraan Kertas 1 3771/1 Grafik Komunikasi Teknikal Kertas 1	Calon hendaklah membawa semua alat lukisan kejuruteraan yang diperlukan seperti Sesiku T, Pembaris Skala, Papan Lukisan A3 (297 mm x 420 mm) dan alat-alat lukisan.
3763/1 Reka Cipta Kertas 1	Calon hendaklah membawa sendiri peralatan melukis dan peralatan mewarna.

KOD KERTAS DAN NAMA KERTAS	ARAHAN KHAS
7110/1 Pembuatan Perabot Kertas 1	Calon hendaklah membawa sendiri alat melukis dan pensel warna.
7207/1 Penjagaan Muka dan Penggayaan Rambut Kertas 1	Calon hendaklah membawa sendiri pensel warna dan <i>make-up kit</i> .
7301/1 Landskap dan Nurseri Kertas 1 7303/1 Tanaman Makanan Kertas 1	Calon hendaklah membawa semua alat lukisan kejuruteraan yang diperlukan seperti Sesiku T, Pembaris Skala, Papan Lukisan A3 (297 mm x 420 mm) dan alat-alat lukisan.
7101/1 Pembinaan Domestik Kertas 1 7103/1 Kerja Paip Domestik Kertas 1 7104/1 Pendawaian Domestik Kertas 1 7105/1 Kimpalan Arka dan Gas Kertas 1 7106/1 Menservis Automobol Kertas 1	Calon hendaklah membawa sendiri pensel warna.

KOD KERTAS DAN NAMA KERTAS	ARAHAN KHAS
7107/1 Menservis Motosikal Kertas 1	Calon hendaklah membawa sendiri pensel warna.
7108/1 Menservis Peralatan Penyejukan dan Penyamanan Udara Kertas 1	
7109/1 Menservis Peralatan Elektrik Domestik Kertas 1	
7201/1 Rekaan dan Jahitan Pakaian Kertas 1	
7202/1 Katering dan Penyajian Kertas 1	
7203/1 Pemprosesan Makanan Kertas 1	
7205/1 Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak- Kanak Kertas 1	
7208/1 Gerontologi Asas dan Geriatrik Kertas 1	
7302/1 Akuakultur dan Haiwan Rekreasi Kertas 1	
7403/1 Produksi Multimedia Kertas 1	
7405/1 Produksi Reka Tanda Kertas 1	
7406/1 Hiasan Dalaman Kertas 1	
7407/1 Reka Bentuk Grafik Digital Kertas 1	

PERALATAN	ARAHAN KHAS
Penggunaan Kalkulator	Calon dibenarkan menggunakan kalkulator bagi kertas peperiksaan yang berkenaan.

KOD KERTAS DAN NAMA KERTAS	ARAHAN KHAS
Semua Kertas Peperiksaan kecuali 2611/2 Pendidikan Seni Visual - Ujian Melukis Kertas 2	Kertas Peperiksaan SPM 2026 hendaklah diuruskan berdasarkan prosedur Pengendalian Kertas Peperiksaan Tertutup.

JADUAL WAKTU

**UJIAN BERTUTUR BAHASA MELAYU
UJIAN BERTUTUR BAHASA INGGERIS
UJIAN AMALI SAINS**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
2026**

**JADUAL SIDANG UJIAN BERTUTUR
1103/3 BAHASA MELAYU KERTAS 3
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2026
26 HINGGA 29 OKTOBER 2026**

TARIKH	AKTIVITI CALON/ PETUGAS (TEMPAT)	SIDANG 1	SIDANG 2	SIDANG 3
ISNIN 26 OKTOBER 2026 HINGGA KHAMIS 29 OKTOBER 2026	CALON HADIR 10 MINIT LEBIH AWAL UNTUK LAPOR DIRI DAN PENGESAHAN KEHADIRAN OLEH PENGAWAS BILIK MENUNGGU			
	Taklimat Ringkas oleh Pengawas Bilik Menunggu (Bilik Menunggu)	7:50 pagi – 7:55 pagi	10:50 pagi – 10:55 pagi	2:20 petang – 2:25 petang
	Ujian mula – Ujian Bertutur Individu (Calon 1 – 4) (Bilik Ujian)	8:00 pagi – 8:20 pagi	11:00 pagi – 11:20 pagi	2:30 petang – 2:50 petang
	Persediaan bagi Ujian Bertutur Kumpulan (Calon 1 – 4) (Bilik Kuarantin)	8:20 pagi – 8:30 pagi	11:20 pagi – 11:30 pagi	2:50 petang – 3:00 petang
	Ujian mula – Ujian Bertutur Kumpulan (Calon 1 – 4)** (Bilik Ujian)	8:35 pagi – 8:50 pagi**	11:35 pagi – 11:50 pagi	3:05 petang – 3:20 petang
	Ujian mula – Ujian Bertutur Individu (Calon 5 – 8) (Bilik Ujian)	8:50 pagi – 9:10 pagi	11:50 pagi – 12:10 tengah hari	3:20 petang – 3:40 petang
	Persediaan bagi Ujian Bertutur Kumpulan (Calon 5 – 8) (Bilik Kuarantin)	9:10 pagi – 9:20 pagi	12:10 tengah hari – 12:20 tengah hari	3:40 petang – 3:50 petang
	Ujian mula – Ujian Bertutur Kumpulan (Calon 5 – 8)** (Bilik Ujian)	9:25 pagi – 9:40 pagi**	12:25 tengah hari – 12:40 tengah hari	3:55 petang – 4:10 petang
	Kuarantin tamat (Bilik Kuarantin)	11:00 pagi	Calon Sidang 2 dibenarkan meninggalkan tempat ujian selepas giliran calon selesai	Calon Sidang 3 dibenarkan meninggalkan tempat ujian selepas giliran calon selesai

Nota: **Calon dikehendaki bergerak ke Bilik Kuarantin setelah selesai Ujian Bertutur Kumpulan.

**JADUAL SIDANG UJIAN BERTUTUR
1119/3 BAHASA INGGERIS KERTAS 3
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2026
2 HINGGA 5 NOVEMBER 2026**

TARIKH	AKTIVITI CALON/ PETUGAS (TEMPAT)	SIDANG 1	SIDANG 2	SIDANG 3
ISNIN 2 NOVEMBER 2026 HINGGA KHAMIS 5 NOVEMBER 2026	CALON HADIR 10 MINIT LEBIH AWAL UNTUK LAPOR DIRI DAN PENGESAHAN KEHADIRAN OLEH PENGAWAS BILIK MENUNGGU			
	Taklimat Ringkas oleh Pengawas Bilik Menunggu (Bilik Menunggu)	7:50 pagi – 7:55 pagi	10:35 pagi – 10:40 pagi	2:05 petang – 2:10 petang
	Ujian mula (Bilik Ujian)	8:00 pagi – 10:00 pagi	10:45 pagi – 12:45 tengah hari	2:15 petang – 4:15 petang
	Rehat/Tugas Pentadbiran oleh Pentaksir	10:00 pagi – 10:30 pagi	12:45 tengah hari – 1:15 tengah hari	4:15 petang – 4:45 petang
	Kuarantin tamat (Bilik Kuarantin)	11:00 pagi	Calon Sidang 2 dibenarkan meninggalkan tempat ujian selepas giliran calon selesai	Calon Sidang 3 dibenarkan meninggalkan tempat ujian selepas giliran calon selesai

**JADUAL SIDANG UJIAN AMALI SAINS
4531/3 FIZIK KERTAS 3
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2026
16 NOVEMBER 2026**

TARIKH	AKTIVITI CALON (TEMPAT)	SIDANG 1	SIDANG 2	SIDANG 3	SIDANG 4
ISNIN 16 NOVEMBER 2026	CALON HADIR 10 MINIT LEBIH AWAL				
	Lapor diri (Bilik Lapor Diri)	7:30 pagi – 7:45 pagi	8:45 pagi – 9:00 pagi	10:30 pagi – 10:45 pagi	11:45 pagi – 12:00 tengah hari
	Masa Ujian – semakan radas (Makmal Peperiksaan)	8:00 pagi – 8:05 pagi	9:15 pagi – 9:20 pagi	11:00 pagi – 11:05 pagi	12:15 tengah hari – 12:20 tengah hari
	Masa Ujian – Amali Sains (Makmal Peperiksaan)	8:05 pagi – 8:45 pagi	9:20 pagi – 10:00 pagi	11:05 pagi – 11:45 pagi	12:20 tengah hari – 1:00 tengah hari
	Kuarantin tamat (Bilik Kuarantin)	11:45 pagi	11:45 pagi	11:45 pagi	–

JADUAL SIDANG UJIAN AMALI SAINS
4541/3 KIMIA KERTAS 3
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2026
17 NOVEMBER 2026

TARIKH	AKTIVITI CALON (TEMPAT)	SIDANG 1	SIDANG 2	SIDANG 3	SIDANG 4
SELASA 17 NOVEMBER 2026	CALON HADIR 10 MINIT LEBIH AWAL				
	Lapor diri (Bilik Lapor Diri)	7:30 pagi – 7:45 pagi	8:45 pagi – 9:00 pagi	10:30 pagi – 10:45 pagi	11:45 pagi – 12:00 tengah hari
	Masa Ujian – semakan radas (Makmal Peperiksaan)	8:00 pagi – 8:05 pagi	9:15 pagi – 9:20 pagi	11:00 pagi – 11:05 pagi	12:15 tengah hari – 12:20 tengah hari
	Masa Ujian – Amali Sains (Makmal Peperiksaan)	8:05 pagi – 8:45 pagi	9:20 pagi – 10:00 pagi	11:05 pagi – 11:45 pagi	12:20 tengah hari – 1:00 tengah hari
	Kuarantin tamat (Bilik Kuarantin)	11:45 pagi	11:45 pagi	11:45 pagi	–

**JADUAL SIDANG UJIAN AMALI SAINS
4551/3 BIOLOGI KERTAS 3
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2026
18 NOVEMBER 2026**

TARIKH	AKTIVITI CALON (TEMPAT)	SIDANG 1	SIDANG 2	SIDANG 3	SIDANG 4
RABU 18 NOVEMBER 2026	CALON HADIR 10 MINIT LEBIH AWAL				
	Lapor diri (Bilik Lapor Diri)	7:30 pagi – 7:45 pagi	8:45 pagi – 9:00 pagi	10:30 pagi – 10:45 pagi	11:45 pagi – 12:00 tengah hari
	Masa Ujian – semakan radas (Makmal Peperiksaan)	8:00 pagi – 8:05 pagi	9:15 pagi – 9:20 pagi	11:00 pagi – 11:05 pagi	12:15 tengah hari – 12:20 tengah hari
	Masa Ujian – Amali Sains (Makmal Peperiksaan)	8:05 pagi – 8:45 pagi	9:20 pagi – 10:00 pagi	11:05 pagi – 11:45 pagi	12:20 tengah hari – 1:00 tengah hari
	Kuarantin tamat (Bilik Kuarantin)	11:45 pagi	11:45 pagi	11:45 pagi	–

**JADUAL SIDANG UJIAN AMALI SAINS
4561/3 SAINS TAMBAHAN KERTAS 3
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2026
18 NOVEMBER 2026**

TARIKH	AKTIVITI CALON (TEMPAT)	SIDANG 1	SIDANG 2	SIDANG 3
RABU 18 NOVEMBER 2026	CALON HADIR 10 MINIT LEBIH AWAL			
	Lapor diri (Bilik Lapor Diri)	7:30 pagi – 7:45 pagi	9:45 pagi – 10:00 pagi	12:00 tengah hari – 12:15 tengah hari
	Masa Ujian – semakan radas (Makmal Peperiksaan)	8:00 pagi	10:15 pagi	12:30 tengah hari
	Masa Ujian – Amali Sains (Makmal Peperiksaan)	8:15 pagi – 9:45 pagi	10:30 pagi – 12:00 tengah hari	12:45 tengah hari – 2:15 petang
	Kuarantin tamat (Bilik Kuarantin)	1:00 tengah hari	1:00 tengah hari	–

**JADUAL WAKTU
PEPERIKSAAN BERTULIS
UJIAN MENDENGAR BAHASA MELAYU
UJIAN MENDENGAR BAHASA INGGERIS**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
2026**

**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS,
UJIAN MENDENGAR BAHASA MELAYU DAN UJIAN MENDENGAR BAHASA INGGERIS
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2026
23 NOVEMBER HINGGA 17 DISEMBER 2026**

TARIKH	WAKTU			KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MAKLUMAT PEPERIKSAAN
	CALON HADIR	KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN MEMBACAKAN ARAHAN	PEPERIKSAAN			
ISNIN 23 NOVEMBER 2026	8:30 pagi	8:50 pagi	9:00 pagi – 9:30 pagi 30 minit	1103/4	Bahasa Melayu Kertas 4 – Ujian Mendengar	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i> Bahan audio hendaklah dimainkan sehingga rakaman tamat sepenuhnya
	10:15 pagi	10:35 pagi	10:45 pagi – 12:45 tengah hari 2 jam	1103/1	Bahasa Melayu Kertas 1	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan Buku Jawapan Bermaklumat</i>
	2:00 petang	2:20 petang	2:30 petang – 5:00 petang 2 jam 30 minit	1103/2	Bahasa Melayu Kertas 2	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan Buku Jawapan Bermaklumat</i>
SELASA 24 NOVEMBER 2026	8:30 pagi	8:50 pagi	9:00 pagi – 9:40 pagi 40 minit	1119/4	Bahasa Inggeris Kertas 4 – Ujian Mendengar	<i>Calon menyemak butiran pada Kertas Jawapan Objektif Hibrid Bermaklumat</i> Bahan audio hendaklah dimainkan sehingga rakaman tamat sepenuhnya
	10:30 pagi	10:50 pagi	11:00 pagi – 12:30 tengah hari 1 jam 30 minit	1119/1	Bahasa Inggeris Kertas 1	Kertas Jawapan Objektif Hibrid Bermaklumat
	2:00 petang	2:20 petang	2:30 petang – 4:00 petang 1 jam 30 minit	1119/2	Bahasa Inggeris Kertas 2	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>

- Calon yang berdaftar untuk kertas 2611/2 Pendidikan Seni Visual – Ujian Melukis Kertas 2 hendaklah mengambil kertas peperiksaan daripada Ketua Pengawas Peperiksaan pada 24 November 2026 (Selasa).

**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS,
UJIAN MENDENGAR BAHASA MELAYU DAN UJIAN MENDENGAR BAHASA INGGERIS
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2026
23 NOVEMBER HINGGA 17 DISEMBER 2026**

TARIKH	WAKTU			KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MAKLUMAT PEPERIKSAAN
	CALON HADIR	KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN MEMBACAKAN ARAHAN	PEPERIKSAAN			
RABU 25 NOVEMBER 2026	7:45 pagi	8:05 pagi	8:15 pagi – 10:30 pagi 2 jam 15 minit	5402/1	Al-Syariah Kertas 1	Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan
			8:15 pagi – 10:45 pagi 2 jam 30 minit	1223/1	Pendidikan Islam Kertas 1	Calon menyemak butiran pada muka hadapan Buku Jawapan Bermaklumat
				1225	Pendidikan Moral	Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan
				5228	Pendidikan Syari'ah Islamiah	
				5304/1	Turath Dirasat Islamiah Kertas 1	
	2:00 petang	2:20 petang	2:30 petang – 4:00 petang 1 jam 30 minit	5302/2	Maharat Al-Quran Kertas 2	Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan
			2:30 petang – 5:00 petang 2 jam 30 minit	3729/1	Pertanian Kertas 1	
KHAMIS 26 NOVEMBER 2026	7:45 pagi	8:05 pagi	8:15 pagi – 9:45 pagi 1 jam 30 minit	1449/1	Matematik (Aneka Pilihan) Kertas 1	Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat
	10:15 pagi	10:35 pagi	10:45 pagi – 1:15 tengah hari 2 jam 30 minit	1449/2	Matematik Kertas 2	Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan

**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS,
UJIAN MENDENGAR BAHASA MELAYU DAN UJIAN MENDENGAR BAHASA INGGERIS
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2026
23 NOVEMBER HINGGA 17 DISEMBER 2026**

TARIKH	WAKTU			KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MAKLUMAT PEPERIKSAAN
	CALON HADIR	KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN MEMBACAKAN ARAHAN	PEPERIKSAAN			
ISNIN 30 NOVEMBER 2026	7:45 pagi	8:05 pagi	8:15 pagi – 9:15 pagi 1 jam	1249/1	Sejarah (Aneka Pilihan) Kertas 1	Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat
	10:00 pagi	10:20 pagi	10:30 pagi – 1:00 tengah hari 2 jam 30 minit	1249/2	Sejarah Kertas 2	Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan
	2:00 petang	2:20 petang	2:30 petang – 5:00 petang 2 jam 30 minit	5226	Tasawwur Islam	Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan
SELASA 1 DISEMBER 2026	7:45 pagi	8:05 pagi	8:15 pagi – 10:30 pagi 2 jam 15 minit	5404/1	Manahij al-'Ulum al-Islamiah Kertas 1	Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan
			8:15 pagi – 11:15 pagi 3 jam	2611/2	Pendidikan Seni Visual – Ujian Melukis Kertas 2	Calon mengisi butiran pada Kertas Lukisan
			12:00 tengah hari – 1:00 tengah hari 1 jam	2611/1	Pendidikan Seni Visual – Teori Seni (Aneka Pilihan) Kertas 1	Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat
	2:00 petang	2:20 petang	2:30 petang – 4:00 petang 1 jam 30 minit	2621/1	Pendidikan Muzik Kertas 1	Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan
			2:30 petang – 5:00 petang 2 jam 30 minit	3763/1	Reka Cipta Kertas 1	

**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS,
UJIAN MENDENGAR BAHASA MELAYU DAN UJIAN MENDENGAR BAHASA INGGERIS
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2026
23 NOVEMBER HINGGA 17 DISEMBER 2026**

TARIKH	WAKTU			KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MAKLUMAT PEPERIKSAAN
	CALON HADIR	KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN MEMBACAKAN ARAHAN	PEPERIKSAAN			
RABU 2 DISEMBER 2026	7:45 pagi	8:05 pagi	8:15 pagi – 9:30 pagi 1 jam 15 minit	3766/1	Perniagaan (Aneka Pilihan) <i>Kertas 1</i>	<i>Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>
				4551/1	Biologi (Aneka Pilihan) <i>Kertas 1</i>	
	10:15 pagi	10:35 pagi	10:45 pagi – 1:00 tengah hari 2 jam 15 minit	3766/2	Perniagaan <i>Kertas 2</i>	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>
			10:45 pagi – 1:15 tengah hari 2 jam 30 minit	4551/2	Biologi <i>Kertas 2</i>	
	2:00 petang	2:20 petang	2:30 petang – 5:00 petang 2 jam 30 minit	3766/4	Perniagaan <i>Kertas 4</i>	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>
KHAMIS 3 DISEMBER 2026	7:45 pagi	8:05 pagi	8:15 pagi – 9:30 pagi 1 jam 15 minit	1511/1	Sains (Aneka Pilihan) <i>Kertas 1</i>	<i>Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>
				4531/1	Fizik (Aneka Pilihan) <i>Kertas 1</i>	
	10:00 pagi	10:20 pagi	10:30 pagi – 1:00 tengah hari 2 jam 30 minit	1511/2	Sains <i>Kertas 2</i>	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>
				4531/2	Fizik <i>Kertas 2</i>	
	2:00 petang	2:20 petang	2:30 petang – 5:00 petang 2 jam 30 minit	3769/1	Sains Rumah Tangga <i>Kertas 1</i>	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>

**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS,
UJIAN MENDENGAR BAHASA MELAYU DAN UJIAN MENDENGAR BAHASA INGGERIS
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2026
23 NOVEMBER HINGGA 17 DISEMBER 2026**

TARIKH	WAKTU			KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MAKLUMAT PEPERIKSAAN
	CALON HADIR	KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN MEMBACAKAN ARAHAN	PEPERIKSAAN			
ISNIN 7 DISEMBER 2026	7:45 pagi	8:05 pagi	8:15 pagi – 9:30 pagi 1 jam 15 minit	3767/1	Ekonomi (Aneka Pilihan) Kertas 1	Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat
	10:15 pagi	10:35 pagi	10:45 pagi – 1:00 tengah hari 2 jam 15 minit	3767/2	Ekonomi Kertas 2	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>
	2:00 petang	2:20 petang	2:30 petang – 4:30 petang 2 jam	7101/1	Pembinaan Domestik Kertas 1	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>
				7103/1	Kerja Paip Domestik Kertas 1	
				7104/1	Pendawaian Domestik Kertas 1	
				7105/1	Kimpalan Arka dan Gas Kertas 1	
				7106/1	Menservis Automobol Kertas 1	
				7107/1	Menservis Motosikal Kertas 1	
				7108/1	Menservis Peralatan Penyejukan dan Penyamanan Udara Kertas 1	
				7109/1	Menservis Peralatan Elektrik Domestik Kertas 1	
				7110/1	Pembuatan Perabot Kertas 1	

**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS,
UJIAN MENDENGAR BAHASA MELAYU DAN UJIAN MENDENGAR BAHASA INGGERIS
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2026
23 NOVEMBER HINGGA 17 DISEMBER 2026**

TARIKH	WAKTU			KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MAKLUMAT PEPERIKSAAN
	CALON HADIR	KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN MEMBACAKAN ARAHAN	PEPERIKSAAN			
ISNIN 7 DISEMBER 2026	2:00 petang	2:20 petang	2:30 petang – 4:30 petang 2 jam	7201/1	Rekaan dan Jahitan Pakaian <i>Kertas 1</i>	Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan Semak label bermaklumat (jika berkenaan sahaja)
				7202/1	Katering dan Penyajian <i>Kertas 1</i>	
				7203/1	Pemprosesan Makanan <i>Kertas 1</i>	
				7205/1	Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak <i>Kertas 1</i>	
				7207/1	Penjagaan Muka dan Penggayaan Rambut <i>Kertas 1</i>	
				7208/1	Gerontologi Asas dan Geriatric <i>Kertas 1</i>	
				7301/1	Landskap dan Nurseri <i>Kertas 1</i>	
				7302/1	Akuakultur dan Haiwan Rekreasi <i>Kertas 1</i>	
				7303/1	Tanaman Makanan <i>Kertas 1</i>	
				7403/1	Produksi Multimedia <i>Kertas 1</i>	
				7405/1	Produksi Reka Tanda <i>Kertas 1</i>	
				7406/1	Hiasan Dalaman <i>Kertas 1</i>	
				7407/1	Reka Bentuk Grafik Digital <i>Kertas 1</i>	
			2:30 petang – 5:00 petang 2 jam 30 minit	3759/1	Lukisan Kejuruteraan <i>Kertas 1</i>	
				3771/1	Grafik Komunikasi Teknikal <i>Kertas 1</i>	

**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS,
UJIAN MENDENGAR BAHASA MELAYU DAN UJIAN MENDENGAR BAHASA INGGERIS
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2026
23 NOVEMBER HINGGA 17 DISEMBER 2026**

TARIKH	WAKTU			KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MAKLUMAT PEPERIKSAAN
	CALON HADIR	KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN MEMBACAKAN ARAHAN	PEPERIKSAAN			
SELASA 8 DISEMBER 2026	7:45 pagi	8:05 pagi	8:15 pagi – 10:00 pagi 1 jam 45 minit	6351/1	Bahasa Cina <i>Kertas 1</i>	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan Buku Jawapan Bermaklumat</i>
				6354/1	Bahasa Tamil <i>Kertas 1</i>	
				6356/1	Bahasa Iban <i>Kertas 1</i>	
				6357/1	Bahasa Kadazandusun <i>Kertas 1</i>	
				6358	Bahasa Semai	
			8:15 pagi – 10:45 pagi 2 jam 30 minit	5403/1	Al–Lughah al–Arabiah al– Mu'asirah <i>Kertas 1</i>	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>
				2361/1	Bahasa Arab <i>Kertas 1</i>	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>
				5305/1	Turath Bahasa Arab <i>Kertas 1</i>	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>
	2:00 petang	2:20 petang	2:30 petang – 4:45 petang 2 jam 15 minit	6351/2	Bahasa Cina <i>Kertas 2</i>	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan Buku Jawapan Bermaklumat</i>
				6354/2	Bahasa Tamil <i>Kertas 2</i>	
				6356/2	Bahasa Iban <i>Kertas 2</i>	
				6357/2	Bahasa Kadazandusun <i>Kertas 2</i>	

**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS,
UJIAN MENDENGAR BAHASA MELAYU DAN UJIAN MENDENGAR BAHASA INGGERIS
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2026
23 NOVEMBER HINGGA 17 DISEMBER 2026**

TARIKH	WAKTU			KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MAKLUMAT PEPERIKSAAN
	CALON HADIR	KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN MEMBACAKAN ARAHAN	PEPERIKSAAN			
RABU 9 DISEMBER 2026	7:45 pagi	8:05 pagi	8:15 pagi – 9:30 pagi 1 jam 15 minit	4572/1	Sains Sukan (Aneka Pilihan) <i>Kertas 1</i>	<i>Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>
			8:15 pagi – 10:30 pagi 2 jam 15 minit	5401/1	Usul al-Din <i>Kertas 1</i>	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan</i> <i>Kertas Peperiksaan</i>
	10:00 pagi	10:20 pagi	10:30 pagi – 1:00 tengah hari 2 jam 30 minit	4572/2	Sains Sukan <i>Kertas 2</i>	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan</i> <i>Kertas Peperiksaan</i>
	2:00 petang	2:20 petang	2:30 petang – 5:00 petang 2 jam 30 minit	3754/1	Pengajian Keusahawanan <i>Kertas 1</i>	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan</i> <i>Kertas Peperiksaan</i>
				3760/1	Pengajian Kejuruteraan Mekanikal <i>Kertas 1</i>	
				3761/1	Pengajian Kejuruteraan Awam <i>Kertas 1</i>	
				3762/1	Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik <i>Kertas 1</i>	
				3768/1	Asas Kelestarian <i>Kertas 1</i>	
KHAMIS 10 DISEMBER 2026	7:45 pagi	8:05 pagi	8:15 pagi – 10:15 pagi 2 jam	9221	Bible Knowledge	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan</i> <i>Buku Jawapan Bermaklumat</i>
				9378	Bahasa Punjabi	
			8:15 pagi – 10:45 pagi 2 jam 30 minit	5227/1	Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah <i>Kertas 1</i>	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan</i> <i>Kertas Peperiksaan</i>
	5303/1	Turath Al-Quran dan Al-Sunnah <i>Kertas 1</i>				
	2:00 petang	2:20 petang	2:30 petang – 5:00 petang 2 jam 30 minit	3770/1	Sains Komputer <i>Kertas 1</i>	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan</i> <i>Kertas Peperiksaan</i>
	JUMAAT 11 DISEMBER 2026	Cuti Sempena Hari Keputeraan Sultan Selangor				

**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS,
UJIAN MENDENGAR BAHASA MELAYU DAN UJIAN MENDENGAR BAHASA INGGERIS
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2026
23 NOVEMBER HINGGA 17 DISEMBER 2026**

TARIKH	WAKTU			KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MAKLUMAT PEPERIKSAAN
	CALON HADIR	KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN MEMBACAKAN ARAHAN	PEPERIKSAAN			
ISNIN 14 DISEMBER 2026	7:45 pagi	8:05 pagi	8:15 pagi – 9:30 pagi 1 jam 15 minit	3756/1	Prinsip Perakaunan (Aneka Pilihan) <i>Kertas 1</i>	<i>Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>
	10:15 pagi	10:35 pagi	10:45 pagi – 1:15 tengah hari 2 jam 30 minit	3756/2	Prinsip Perakaunan <i>Kertas 2</i>	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>
	2:00 petang	2:20 petang	2:30 petang – 4:45 petang 2 jam 15 minit	5405/1	Al-Adab wa al-Balaghah <i>Kertas 1</i>	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>
			2:30 petang – 5:00 petang 2 jam 30 minit	3756/4	Prinsip Perakaunan <i>Kertas 4</i>	
SELASA 15 DISEMBER 2026	7:45 pagi	8:05 pagi	8:15 pagi – 9:30 pagi 1 jam 15 minit	4541/1	Kimia (Aneka Pilihan) <i>Kertas 1</i>	<i>Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>
				4561/1	Sains Tambahan (Aneka Pilihan) <i>Kertas 1</i>	
	10:15 pagi	10:35 pagi	10:45 pagi – 1:15 tengah hari 2 jam 30 minit	4541/2	Kimia <i>Kertas 2</i>	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>
				4561/2	Sains Tambahan <i>Kertas 2</i>	

**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS,
UJIAN MENDENGAR BAHASA MELAYU DAN UJIAN MENDENGAR BAHASA INGGERIS
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2026
23 NOVEMBER HINGGA 17 DISEMBER 2026**

TARIKH	WAKTU			KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MAKLUMAT PEPERIKSAAN
	CALON HADIR	KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN MEMBACAKAN ARAHAN	PEPERIKSAAN			
RABU 16 DISEMBER 2026	7:45 pagi	8:05 pagi	8:15 pagi – 10:45 pagi 2 jam 30 minit	2206	Kesusasteraan Inggeris	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan Buku Jawapan Bermaklumat</i>
				2216/1	Kesusasteraan Melayu Komunikatif Kertas 1	
				9216	Kesusasteraan Cina	
				9217	Kesusasteraan Tamil	
	11:15 pagi	11:35 pagi	11:45 pagi – 1:00 tengah hari 1 jam 15 minit	2280/1	Geografi (Aneka Pilihan) Kertas 1	Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat
	2:00 petang	2:20 petang	2:30 petang – 5:00 petang 2 jam 30 minit	2280/2	Geografi Kertas 2	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>
KHAMIS 17 DISEMBER 2026	7:45 pagi	8:05 pagi	8:15 pagi – 10:15 pagi 2 jam	3472/1	Matematik Tambahan Kertas 1	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>
	2:00 petang	2:20 petang	2:30 petang – 5:00 petang 2 jam 30 minit	3472/2	Matematik Tambahan Kertas 2	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>

JADUAL MASA TAMBAHAN
CALON BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS

Masa tambahan yang diperuntukkan ini adalah untuk semua jenis Kertas Peperiksaan Bertulis. Terdapat dua kategori masa tambahan bagi calon berkeperluan pendidikan khas iaitu Kategori A dan Kategori B.

Kategori A:

Calon Masalah Pembelajaran, Kurang Upaya Penglihatan (Buta), Kurang Upaya Penglihatan (Rabun), Kurang Upaya Pelbagai dan Kurang Upaya Fizikal

1. Calon kemalangan yang layak mendapat masa tambahan ialah calon yang tidak boleh menulis dengan tangan yang biasa digunakan untuk menulis.
2. Kecederaan lain boleh diberi pertimbangan atas nasihat Pengarah Pendidikan Negeri, Jabatan Pendidikan Negeri (u.p.: Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan)

Bil.	Masa yang diperuntukkan dalam Jadual Waktu Peperiksaan	Masa tambahan yang diberikan
1	1 jam atau kurang hingga 1 jam 30 minit	30 minit
2	Lebih 1 jam 30 minit hingga 2 jam 30 minit	1 jam
3	Lebih 2 jam 30 minit	1 jam 30 minit

Kategori B:

Calon Kurang Upaya Pendengaran/Kurang Upaya Pertuturan

Bil.	Masa yang diperuntukkan dalam Jadual Waktu Peperiksaan	Masa tambahan yang diberikan
1	1 jam	15 minit
2	1 jam 15 minit	20 minit
3	1 jam 30 minit	25 minit
4	1 jam 45 minit	30 minit
5	2 jam	30 minit
6	2 jam 15 minit	35 minit
7	2 jam 30 minit	40 minit
8	3 jam	45 minit

Masa tambahan yang diperuntukkan untuk Ujian Amali Sains adalah seperti yang berikut:

Bil.	Masa yang diperuntukkan dalam Jadual Waktu Peperiksaan	Masa tambahan yang diberikan
1	Fizik, Kimia, Biologi dan Sains Tambahan	10 minit

AMARAN PEPERIKSAAN/PENTAKSIRAN

Calon yang menduduki peperiksaan di Dewan/Bilik Peperiksaan dilarang:

1. membawa masuk sebarang catatan sama ada pada pakaian atau anggota badan, nota, dokumen seperti buku, lukisan, grafik, akhbar, kamus, kertas, kertas peperiksaan, Jadual Waktu Peperiksaan, Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan, telefon bimbit, alat-alat komunikasi atau peranti elektronik, bekas alat tulis dan beg ke dalam Bilik Menunggu/Bilik Lapor Diri/Dewan/Bilik Peperiksaan/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin kecuali alat tambahan yang dibenarkan semasa peperiksaan.
2. menulis nota pada pakaian, anggota badan, dinding atau meja tulis di Bilik Menunggu/Bilik Lapor Diri/Dewan/Bilik Peperiksaan/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin.
3. mendedahkan kertas peperiksaan atau/dan jawapan peperiksaan sehingga boleh dibaca oleh calon lain.
4. memberikan pertolongan, mendapatkan pertolongan, berhubung dengan orang lain di dalam atau di luar Bilik Menunggu/Bilik Lapor Diri/Dewan/Bilik Peperiksaan/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin walau dengan apa-apa cara sekalipun yang boleh disabitkan dengan perbuatan salah laku dalam peperiksaan.
5. menukar kertas peperiksaan atau/dan jawapan peperiksaan dengan calon lain.
6. menukar tempat duduk yang telah ditetapkan tanpa kebenaran daripada Ketua Pengawas Peperiksaan/Ketua Pengawas Amali/Ketua Pentaksir Pusat Ujian/Pentaksir 1.
7. menyamar atau membenarkan orang lain menyamar bagi pihak calon.
8. membuat rujukan di luar Bilik Menunggu/Bilik Lapor Diri/Dewan/Bilik Peperiksaan/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin semasa peperiksaan.
9. membawa kertas/skrip jawapan peperiksaan keluar dari Bilik Menunggu/Bilik Lapor Diri/Dewan/Bilik Peperiksaan/Bilik Ujian/Makmal Peperiksaan/Bilik Kuarantin.
10. membuat cubaan memberi suapan/rasuah dengan apa-apa cara sekalipun kepada petugas peperiksaan/petugas pemeriksaan.

Calon yang tidak mematuhi **Amaran Peperiksaan/Pentaksiran** dianggap telah melakukan salah laku dan akan menyebabkan calon dikenakan tindakan tatatertib. Menurut Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997 dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) salah laku ertinya menipu, menyamar, menyeludup apa-apa yang tidak dibenarkan atau apa-apa salah laku yang lain yang disifatkan sebagai suatu salah laku serius oleh Lembaga Peperiksaan. Calon yang disabitkan dengan mana-mana salah laku boleh dikenakan tindakan berikut:-

- i. keputusan peperiksaan mana-mana kertas peperiksaan dibatalkan;
- ii. keputusan peperiksaan yang dikendalikan di sesuatu pusat peperiksaan diisytiharkan terbatal;
- iii. keputusan peperiksaan digantung sementara menunggu selesainya penyiasatan;
- iv. calon yang dibatalkan keputusan atas salah laku menyamar dan/atau suapan/rasuah boleh dikenakan sekatan daripada menduduki peperiksaan selama setahun.

LEMBAGA PEPERIKSAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

BORANG PENGAKUAN CALON

1. NAMA CALON			
2. ANGKA GILIRAN			
3. NOMBOR PENGENALAN DIRI			
4. PEPERIKSAAN			TAHUN:
5. PENGAKUAN CALON Saya mengaku telah membaca dan akan mematuhi semua Amaran Peperiksaan/Pentaksiran seperti yang dinyatakan di atas. Saya bersetuju untuk mematuhi peraturan dan prosedur pengurusan kes salah laku peperiksaan.* Tandatangan: Tarikh:			
6. PENGESAHAN PENGETUA/PEGAWAI JABATAN PENDIDIKAN NEGERI Tandatangan: Tarikh:			

Nota: Borang Pengakuan Calon (BPC) yang telah dilengkapkan hendaklah diserahkan kepada Pengetua bagi calon sekolah atau Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) bagi calon persendirian. Pihak JPN/sekolah hendaklah menyimpan BPC sehingga enam bulan selepas tarikh pengumuman keputusan peperiksaan.

*Akta 550, P.U.(A) 533/97 dan buku panduan Lembaga Peperiksaan yang sedang berkuat kuasa.

